

Hari Belia Negara 2016 di UPM

Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan akan menganjurkan Hari Belia Negara 2016 pada 15 Mei ini bertempat di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata objektif utama penganjurannya adalah bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada golongan belia atas sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

Hari Belia Negara 2016 bertema *The Future Is Now* itu selari dengan peranan belia yang akan menerajui negara pada masa akan datang.

Katanya, pada tahun ini, pembabitan golongan mahasiswa menjadi tumpuan utama bagi menarik penyertaan mereka dalam pertubuhan belia selari dengan Dasar Belia Malaysia 2018 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada Hari Belia Negara tahun lalu.

Babit belia, golongan mahasiswa

“Berbanding dengan adanya festival besar di Putrajaya seperti tahun-tahun sebelum ini, sambutan kali ini akan membabitkan belia dan golongan mahasiswa dengan lebih erat lagi melalui penganjuran



Khairy Jamaluddin mencuba basikal 'drift' ketika melawat pameran selepas Majlis Pra Pelancaran Hari Belia Negara 2016 di Putrajaya, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

di UPM.

“Selain itu, melalui kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan UPM, ia dapat mengurangkan kos perbelanjaan penganjuran selaras dengan langkah penjimatan kerajaan. Kos untuk penganjuran kali ini adalah jauh lebih murah berbanding tahun sebelumnya.

“Saya tidak tolak kemungkinan Hari Belia Negara mungkin akan kembali ke Putrajaya tahun depan kera-

na konsepnya sangat bagus dan perlu diteruskan tetapi mengikut kemampuan kerajaan berikutan lokasi di Putrajaya yang agak besar,” katanya pada sidang media selepas Majlis Pra Pelancaran Hari Belia Negara 2016 di sini, semalam.

Penganjuran lebih 140 program

Selain itu, katanya, antara kegiatan yang akan dianjurkan sempena Hari Belia Negara

2016 adalah Konvensyen Belia Negara, Anugerah Perdana Belia Negara, Warna Warni Belia dan Jelajah Kampus Rakan Muda.

“Pelaksanaan Minggu Belia bermula 9 hingga 14 Mei ini di seluruh negara dengan penganjuran lebih 140 program dan kegiatan dianjurkan pada peringkat negeri oleh Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia (MBM) serta beberapa agensi lain,” katanya.